

18/03/2000

KM namakan BCB, Bank Islam (HL)

Rahman Hashim

MELAKA, Jumaat - Kerajaan Melaka hari ini menamakan Bumiputra Commerce Bank Berhad (BCB) dan Bank Islam Berhad cawangan negeri itu, sebagai dua bank yang pekerjaannya menjadi penyokong kuat pembangkang.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata sehubungan itu kerajaan negeri dan agensinya, Perbadanan Ayer Melaka (PAM) akan mengeluarkan wang simpanan tetapnya berjumlah RM45 juta dalam kedua-dua bank itu, mulai April ini.

Katanya, PAM dan kerajaan negeri, masing-masing mempunyai simpanan tetap RM28 juta dan RM6 juta dalam BCB, manakala di Bank Islam, kerajaan negeri mempunyai simpanan tetap RM6 juta dan PAM, RM5 juta.

Sebagai permulaan, katanya, kerajaan negeri dan PAM mengeluarkan RM10 juta daripada keseluruhan wang simpanan tetapnya di BCB dan RM2 juta lagi dari Bank Islam.

"Tindakan ini dibuat kerana ramai pekerja kedua-dua bank ini dikenal pasti menjadi penyokong kuat parti pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan.

"Pengurusan bank juga didapati tidak bertindak tegas terhadap pekerja mereka, menyebabkan kerajaan negeri perlu mengambil langkah tegas menyedarkan mereka," kata beliau di pejabatnya di sini, hari ini.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedar pekerja sesetengah bank adalah penyokong kuat pembangkang tetapi mereka seharusnya lebih profesional.

Dr Mahathir menjelaskan, tindakan mengikut undang-undang terpaksa diambil terhadap pekerja bank terbabit, jika mereka didapati membocorkan rahsia kerajaan.

"Apa yang boleh kerajaan lakukan ialah tidak berurusan dengan bank berkenaan," katanya.

Mohd Ali berkata, maklumat yang diperolehi mendapati sesetengah pekerja bank itu sengaja memakai lencana parti pembangkang selain mengutuk kerajaan di depan pelanggan mereka.

Beliau berkata, tindakan itu dibuat selaras dengan ketetapan yang dipersetujui pada mesyuarat Lembaga Pengarah PAM minggu lalu.

Selain di dua bank berkenaan, kerajaan negeri dan PAM mempunyai simpanan tetap RM186 juta di enam cawangan bank lain di negeri itu.

"Untuk tempoh Mac hingga Jun tahun ini, simpanan tetap kerajaan negeri dan beberapa agensi lain yang akan mencapai tempoh matang ialah RM90.5 juta. Ini bermakna, tindakan yang sama juga boleh diambil terhadap bank lain jika mereka jelas menyokong pembangkang," katanya.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri juga akan terus memantau bank lain bagi memastikan mereka dan pekerja bersikap lebih profesional.

Katanya, kerajaan negeri akan mengambil tindakan terhadap beberapa kontraktor, firma guaman dan juruukur kerana menjadi penyokong kuat parti pembangkang.

(END)